

Ajaran Sesat Di Malaysia

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi

Abstract: The article analyzes the issues related to cultism in Malaysia. The problem relating to cultism needs to be urgently addressed as it directly affects Islamic theology and Muslims. Although Malaysia has witnessed rapid development in the field of Islamic understanding and da'wah missionary among the Muslim community, the cult movement is still rampant. This scenario has raised questions on factors that contribute to the movement of cultism among the Muslim community. All data is analyzed inductively and deductively to expose the important factors that contribute to the movement of cultism in Malaysia beside the solutions and actions that can be taken to combat this problem successfully.

Keywords: Ajaran Sesat, Islam, Akidah, Kepercayaan, Undang-undang

Islam Di Malaysia

Kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan adalah satu isu yang penting terutamanya kerana isu ini berkait rapat dengan kepercayaan dan iktikad majoriti penduduk di Tanah Melayu dan Malaysia sekarang ini. Isu ini juga merupakan isu yang sensitif kerana bagi orang Melayu agama tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan harian mereka. Demikianlah Islam diletakkan di tempat yang sangat tinggi.¹

Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan. Artikel 3(1) telah memperuntukkan Islam ialah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.²

Dari segi kedudukan agama Islam di setiap negeri, Perlembagaan negeri telah memperuntukkan bahawa Islam adalah agama rasmi negeri kecuali Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak. Perlembagaan Persekutuan juga tidak memperuntukkan bahawa agama Islam hendaklah menjadi agama rasmi negeri-negeri berkenaan.³

Artikel 11 memperuntukkan perlindungan terhadap agama Islam daripada sebarang pengaruh agama lain atau doktrin lain. Undang-undang negeri-negeri telah memberikan peruntukan mengenai kedudukan agama Islam serta menghadkan penyebarluasan sebarang doktrin agama atau kepercayaan oleh mana-mana individu selain doktrin agama dan kepercayaan Islam terhadap seseorang penganut agama di dalam Persekutuan.⁴

Kebebasan beragama disebut dalam Artikel 11 (1) yang memperuntukkan setiap warganegara mempunyai hak untuk menganut dan mengamalkan sesuatu agama yang dianutnya, dan penyebarannya adalah tertakluk kepada Fasal (4). Fasal (4) menyatakan bahawa undang-undang negeri, terutamanya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Undang-undang Persekutuan boleh mengawal atau menghadkan penyebarluasan sebarang doktrin agama atau kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam.⁵

Ringkasnya, peruntukan berkaitan dengan Islam secara jelas menegaskan bahawa Islam adalah agama Persekutuan dan mempunyai kedudukan yang istimewa dibandingkan dengan agama lain. Namun peruntukan tersebut tidak bermakna undang-undang Islam dilaksanakan sepenuhnya kerana ia bukan tujuan Perlembagaan Persekutuan. Perlaksanaan undang-undang Islam sepenuhnya tidak boleh dilakukan kerana adanya sekatan-sekatan dalam Perlembagaan.⁶

Akidah Islam Di Malaysia

Kuasa pentadbiran hal ehwal orang Islam adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Raja negeri berkenaan. Oleh yang demikian, kuasa perundangan yang berkait dengan hal ehwal undang-undang orang-orang Islam merupakan tanggungjawab Badan Perundangan Negeri. Kuasa perundangan tersebut termasuklah mengadakan satu bentuk undang-

undang khusus berhubung dengan hal ehwal orang Islam, tetapi undang-undang berkenaan hendaklah tidak bertentangan dengan peruntukan undang-undang yang terdapat di dalam undang-undang Persekutuan.⁷

Justeru itu, setiap buah negeri telah mengadakan undang-undang masing-masing untuk melaksanakan pengurusan agama Islam. Selangor merupakan negeri yang pertama mengadakan Enakmen Undang-undang Islam (1952) dan ini kemudiannya diikuti oleh negeri-negeri lain. Enakmen-enakmen berkenaan memberikan peruntukan pentadbiran am Undang-undang Islam di dalam kedua-dua aspek sama ada awam atau persendirian. Tanggungjawabnya adalah merujuk kepada soal-soal perhubungan di antara agama Islam dengan Kerajaan Negeri serta berusaha untuk mengenal pasti kandungan Undang-undang Islam untuk diterima pakai oleh orang Islam di Malaysia.⁸

Secara umumnya, masyarakat Islam di Malaysia mengikut aliran mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dari segi pegangan teologi dan mazhab Syafi'i dari segi fiqh. Mazhab ini secara *de facto* adalah mazhab rasmi agama Islam di Malaysia. Status rasmi ini tidak diperolehi secara dikri (*decree*) atau sanksi (*Sanction*) perundangan atau mahkamah tetapi melalui amalan pentadbiran dalam pengeluaran fatwa dan amalan di Mahkamah Syariah. Dari sudut kronologi sejarah undang-undang pentadbiran agama Islam di Malaysia memberi penekanan kepada mazhab Syafi'i terutama dalam pengeluaran fatwa. Perkara ini berpunca daripada cabaran-cabaran yang diberikan oleh golongan muda yang terpengaruh dengan gerakan reformasi timur tengah Syaikh Muhammad 'Abduh (w. 1905M) dan Sayyid Rasyid Rida (w. 1935M). Peranan ulama tradisi dan kerjasama mereka dengan penguasa politik memperkukuhkan mazhab Syafi'i melalui sanksi perundangan (Ibrahim Abu Bakar 1994, 17-18).⁹

Kemunculan aliran teologi bukan sunni seperti Syi'ah dan cabaran golongan yang dianggap *heretic* seperti pergerakan Darul Arqam dan golongan anti hadis terhadap *orthodoxy sunisme* seperti yang didukung oleh ulama-ulama Malaysia dalam amalan keagamaan dan tanggapan terhadap beberapa isu semasa seperti hak-hak wanita dan kebebasan untuk memilih agama (persoalan murtad) pada dekad 1990an menyebabkan ulama tradisional sama ada yang menduduki

jabatan-jabatan rasmi pemerintah atau sebaliknya memberi reaksi agresif kepada cabaran-cabaran di atas. Tindakan keras telah diambil kepada golongan Syi'ah dan pergerakan Darul Arqam melalui pewartaan fatwa melarang kegiatan golongan ini dan penangkapan pemimpin mereka di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Manakala tindakan terhadap golongan anti hadith hanyalah melalui pewartaan melarang kegiatan kumpulan tersebut tanpa melibatkan apa-apa tangkapan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sungguhpun dari segi cabaran kepada ajaran Islam kegiatan kumpulan ini adalah lebih serius daripada pergerakan Darul Arqam.¹⁰

Pergerakan Syiah dan kegiatan golongan anti hadith sesungguhnya merupakan satu cabaran kepada homogeniti pegangan ajaran *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* di Malaysia sebagaimana cabaran golongan kaum muda terhadap homogeniti fiqh Syafi'i pegangan ulama tradisi pada masa dahulu. Respon terhadap cabaran ini adalah sama sahaja iaitu kawalan dengan menggunakan instrumen pemerintah melalui pengeluaran fatwa. Fatwa-fatwa yang dikeluarkan di negeri-negeri menetapkan tiga perkara:

1. Pengisytiharan bahawa pegangan umat Islam di dalam negeri adalah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dari segi akidah, syariah dan akhlak.
2. Pegangan selain dari *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* adalah bercanggah dengan hukum syarak.
3. Penyebaran apa-apa ajaran dalam apa-apa bentuk sekali pun selain pegangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* adalah dilarang.¹¹

Fatwa di atas jelas menunjukkan percubaan ulama tradisi dengan kerjasama penguasa politik negara untuk memastikan *uniformity* pegangan akidah umat Islam di Malaysia dalam homogeniti *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Ini secara tidak langsung telah menjadikan sunisme sebagai mazhab rasmi Malaysia. Fatwa-fatwa ini menunjukkan kerajaan Malaysia berusaha bersungguh untuk mencegah pemikiran bukan sunni daripada merebak dan bertapak dalam masyarakat Islam.¹²

Pengertian Ajaran Sesat

Istilah ajaran sesat merupakan satu istilah yang lebih lazim dan lebih popular penggunaannya di kalangan masyarakat Malaysia kebelakangan ini terutamanya pihak birokrasi agama dan media arus perdana di Malaysia. Di samping itu, terdapat beberapa istilah lain yang kerap juga digunakan dalam media arus perdana yang mempunyai konotasi makna lebih kurang sama dengan ajaran sesat iaitu ajaran salah, pencemaran akidah dan penyelewengan akidah.

Konotasi makna istilah-istilah yang dihuraikan di atas pada dasarnya tidak berlawanan antara satu sama lain, sebaliknya berkait rapat sehingga kesemua istilah tersebut dari segi penggunaannya saling kuat menguatkan dan boleh ditukar-gantikan antara satu sama lain dalam merujuk kepada kesesatan sesuatu ajaran yang dianuti.

Ajaran Sesat Dari Segi Bahasa Dan Istilah

Istilah “ajaran sesat” adalah satu istilah yang bersifat relatif kerana terdapat banyak takrifan dan definisi yang telah diberikan oleh pelbagai pihak. Menurut Kamus Dewan, ajaran ditakrifkan sebagai segala sesuatu yang diajarkan, nasihat, petunjuk, teori dan mazhab. Manakala “sesat” pula ditakrifkan sebagai tidak mengikuti jalan yang betul, tersalah (tersilap) jalan, terkeliru (perbuatan, kepercayaan dll) dan menyimpang daripada jalan yang benar.¹³

Oleh itu, dapat disimpulkan di dalam penggunaan Bahasa Melayu, ajaran sesat itu ialah suatu ilmu yang diajar dan disebarkan secara rahsia mahupun secara meluas kepada orang lain yang didapati menyimpang daripada kebenaran yang asal.

Prof. Dr. Abdulfatah Haron Ibrahim¹⁴pula mendefinisikan ajaran sesat sebagai ajaran dan amalan yang bertentangan dengan Islam. Dalam satu ketika yang lain, Prof. Dr. Abdulfatah menghubungkan ajaran sesat dengan tasawuf-tarekat. Ini adalah kerana masyarakat Islam dewasa ini meletakkan tasawuf-tarekat itu bukan pada tempatnya yang sebenar. Natijahnya, ilmu tasawuf-tarekat bertukar wajah sebagai ajaran sesat akibat penglibatan masyarakat awam

yang bukan dari kalangan ahli falsafah dalam permasalahan ilmu falsafah.

Ajaran sesat ditakrifkan sebagai “sebarang ajaran dan amalan yang diasaskan dan didukung oleh orang-orang Islam dan juga orang-orang bukan Islam yang mendakwa ajaran dan amalan tersebut berdasarkan ajaran Islam sedangkan pada hakikatnya ajaran dan amalan itu bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah, bercanggah dengan akidah Islam dan berlawanan pula dengan mazhab yang muktabar iaitu mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.” Berdasarkan definisi di atas, segala ajaran sama ada dari aspek akidah, ibadat dan tasawuf yang terjelma dalam anutan dan pegangan hidup yang diresapi oleh unsur-unsur yang bertentangan dengan syariah Islam seperti Batiniyyah, Hinduisme, Neoplatonisme, penafsiran menyeleweng terhadap al-Quran, hadith dan juga penggunaan hadith palsu. Hasilnya, segala ramuan inilah yang teradun dan teranyam rapi menjadi citra kepada apa yang diungkapkan sebagai ajaran sesat.

Kategori Ajaran Sesat Dan Ciri-Cirinya

Ruang lingkup bagi ajaran sesat sebenarnya amat luas. Ia mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia seperti aspek kepercayaan, adat, budaya hidup, muamalah, ibadat, politik, ekonomi dan sebagainya.

Berdasarkan penyelidikan yang dijalankan oleh Bahagian Penyelidikan Islam,¹⁵ terdapat berbagai bentuk ajaran sesat yang tersebar di Malaysia telah dikenal pasti. Secara umumnya, ajaran sesat dapat dibahagikan kepada tiga kategori utama sebagaimana berikut:-

1. Bentuk ajaran baru
2. Bentuk ajaran tarekat
3. Bentuk ajaran melalui kepercayaan dan amalan tradisi yang berhubung kait dengan perkara-perkara mistik dan budaya hidup.

Bentuk Ajaran Baru

Menurut Muhammad Uthman el-Muhammady,¹⁶ ajaran baru yang mengancam kemurnian akidah umat Islam terbahagi dalam dua bentuk iaitu ancaman fahaman dan kepercayaan

yang berbentuk tradisi dan ancaman fahaman dan kepercayaan moden seperti fahaman zindik, yang mempunyai ajaran Tuhan dalam diri atau tubuh manusia, fahaman *Jabariyyah*, *Mu'tazilah* dan fahaman *Wahdah al-Wujud* yang menyalahi konsep keesaan Allah (s.w.t.).

Manakala ancaman fahaman dan kepercayaan moden pula kebanyakannya dicipta oleh manusia sendiri seperti fahaman-fahaman sekularisme yang memisahkan urusan keagamaan dari kehidupan dunia, materialisme, saintisme, komunisme, sosialisme, kapitalisme dan liberalisme.

Rata-rata umat Islam di Malaysia kurang menyedari betapa ajaran baru yang berbentuk moden juga boleh mengeruhkan kemurnian akidah Islam sehingga ajaran tersebut menjadi pegangan hidup sebahagian besar umat Islam. Padahal ajaran tersebut pada hakikatnya bukanlah daripada Islam, bahkan bertentangan dengan konsep akidah Islam yang sebenarnya.

Bentuk Ajaran Tarekat

Hampir keseluruhan ajaran sesat berselindung sebalik ajaran tarekat dan tasawuf sehingga menyalahgunakan nama tarekat terkenal seperti Tarekat Ahmadiyyah, Tarekat Naqsyabandiyyah, Tarekat Syadhiliyyah, Tarekat Qadiriyyah, Tarekat Syattariyyah dan sebagainya dengan cara yang bertentangan dengan hukum syarak.¹⁷

Kadang-kadang, sesuatu ajaran tarekat dinamakan dengan nama pengasasnya sendiri, kemudian digabungkan dengan nama kumpulan tarekat yang terkenal di kalangan umat Islam sebagai satu pendekatan untuk mengelabui pandangan umat Islam tentang ajaran dan kumpulan tarekat yang didukungnya itu, sedangkan ia pada hakikatnya terpesong daripada ajaran Islam yang sebenar.

Di antara ciri-ciri kesesatan yang menghiasi ajaran tarekat yang menyeleweng adalah pegangan terhadap istilah-istilah tasawuf yang secara terang-terangan bercanggah dengan syarak seperti kata al-Bistami (w. 261H): "*Ana al-Haqq*" (Akulah Tuhan Yang Maha Benar) di samping istilah-istilah falsafah, kebatinan dan takwil tasawuf yang menyimpang jauh daripada kebenaran terhadap persoalan akidah dan ibadah. Di samping itu, ajaran tarekat tersebut juga menganjurkan

pengikutnya agar meringankan atau tidak melaksanakan amalan ibadat dan kewajiban syarak yang dituntut. Begitu juga, pengikut ajaran tarekat yang sesat tidak segan silu melakukan maksiat. Lebih jauh daripada itu, ajaran tarekat yang sesat juga telah membentuk gerakan politik bawah tanah yang boleh mengganggu gugat keharmonian umat Islam.¹⁸

Bentuk Ajaran Melalui Kepercayaan Dan Amalan Tradisi Yang Berhubung Kait Dengan Perkara-Perkara Mistik Dan Budaya Hidup

Ajaran sesat juga dapat dikesan melalui kepercayaan dan amalan tradisi yang merupakan amalan kepada kepercayaan karut, khurafat, bid'ah dan syirik. Jenis yang ketiga ini merupakan satu ajaran yang sememangnya sudah lumrah dan berakar umbi di dalam masyarakat Islam yang diwarisi secara turun temurun daripada satu generasi ke satu generasi. Dengan kata lain, sesuatu rekaan atau khayalan, ajaran, pantang larang, adat istiadat, ramalan, pemujaan atau kepercayaan yang belum diketahui kesahihannya dan menyimpang pula daripada ajaran Islam termasuk dalam pengertian khurafat.¹⁹ Ia banyak terhasil daripada pengaruh agama lain seperti Hindu, Buddha, animisme dan dinamisme. Di Malaysia, amalan dan kepercayaan ini dicampuraduk dengan ajaran Islam seperti yang berlaku dalam amalan perbomohan, pemujaan dan kesaktian.

Beberapa contoh amalan khurafat dalam masyarakat Islam di Malaysia ialah kebal dalam amalan silat, amalan perdukunan dan mengurut melalui penggunaan jampi serapah dan juga adat istiadat yang terdapat dalam masyarakat Islam Malaysia juga tidak terlepas dari amalan-amalan yang sesat.

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan ciri-ciri kesesatan yang terdapat dalam satu-satu ajaran atau tarekat yang boleh menyebabkan pengamalinya terbatal iman dan sesat.²⁰

Antaranya:-

1. **Sumber al-Quran dan al-Hadith**
 - i. Mempercayai wahyu masih lagi turun.
 - ii. Mengubah ayat dan maksud al-Quran dengan sengaja.

- iii. Al-Quran mempunyai makna batin berbeza dengan makna zahir.

2. Ketuhanan

- i. Mengaku Allah menjelma dalam dirinya.
- ii. Mempercayai bahawa bacaan seorang guru ke atas sesuatu benda seperti batu, gunung dan lain-lain boleh memberi kesan baik atau buruk.
- iii. Mengaku mengetahui perkara-perkara ghaib dan menilik nasib seseorang.
- iv. Percaya makhluk-makhluk seperti kayu dan batu ada kuasa yang mutlak.
- v. Mempercayai bahawa guru mereka boleh menebus dosa dengan wang.

3. Kenabian

- i. Guru atau mereka yang membuat pengakuan menerima wahyu.
- ii. Mengaku dirinya atau gurunya sebagai nabi atau Nabi Isa.
- iii. Mempercayai ada lagi nabi dan rasul yang lain selepas Nabi Muhammad (s.a.w.).
- iv. Mengaku mendapat *kasyaf* atau ilmu *laduni*.
- v. Mendakwa bahawa dirinya sebagai wakil nabi boleh memberi syafaat kepada muridnya.
- vi. Mengaku dirinya atau gurunya maksum.
- vii. Guru mendakwa bahawa tugas-tugas rasul diamanahkan kepadanya.
- viii. Gurunya mendakwa mempunyai mukjizat.

4) *Sam'iyat/Mughayyabat*

- i. Mempercayai roh orang mati atau wali atau keramat boleh menjelma ke dalam jasad orang hidup.
- ii. Meminta pertolongan daripada orang yang telah mati.
- iii. Mempercayai bahawa orang tertentu tidak mati dan akan lahir semula sebagai Imam Mahdi.
- iv. Mempercayai orang mati boleh memberi pertolongan apabila diseru namanya.
- v. Boleh memanggil roh orang mati dalam amalan menurun oleh tukang sihir.

- vi. Boleh meramalkan kedatangan Imam Mahdi dan kiamat.
- vii. Guru membuat pengakuan memegang kunci pintu syurga.
- viii. Mengaku dan mempercayai seseorang boleh berhubung terus dengan Allah melalui Nur Muhammad yang berada dalam dirinya.

5. Syariat

- i. Memansuhkan kewajipan-kewajipan tertentu syariat Islam seperti solat, puasa, zakat, haji dan lain-lain serta mencipta kewajipan baru.
- ii. Penyerahan rohani dan jasmani kepada guru melalui cara nikah batin.
- iii. Meninggalkan solat Jumaat kerana amalan suluk
- iv. Solat tidak perlu berjemaah dan tidak perlu menghadap kiblat.
- v. Nikah menurut syariat hanyalah adat, sebab itu dikehendaki dinikahkan sekali lagi dengan nikah batin.
- vi. Perbuatan zina, judi, minum arak dan segala bentuk dosa boleh dilakukan oleh guru atau khalifah tarekat dan dijamin dapat keampunan Allah ke atas dosanya dan pengikutnya.
- vii. Ibadat solat memadai dengan niat sahaja.
- viii. Menghalalkan sesuatu yang diharamkan Allah.
- ix. Mempercayai semua agama adalah sama.
- x. Amalan haji tidak semestinya di Makkah, di tempat lain juga boleh.

6. Adab/Akhlak

- i. Mematuhi secara membata tuli terhadap ajaran gurunya walaupun gurunya itu melakukan kesalahan dan dosa.
- ii. Pengikutnya boleh menerima kekuatan yang luar biasa dari gurunya.
- iii. Pengikut-pengikut sama ada lelaki atau wanita dikehendaki diuji di dalam satu bilik khas dan bersumpah tidak akan menceritakan kepada sesiapa apa yang telah terjadi dengan gurunya tadi.

- iv. Pengikut diwajibkan merahsiakan ajaran, kalau tidak, dia akan ditimpa bala.

Faktor Penyebaran Ajaran Sesat Dan Penyelesaiannya

1. Kelemahan penguatkuasaan yang berkaitan ajaran sesat di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah seperti proses penguatkuasaan tidaklah terlalu bersifat rasmi dan terikat dengan peraturan am pentadbiran dan prosedur jabatan. Tenaga penguatkuasaan yang tidak cukup mengakibatkan jentera pentadbiran dan penguatkuasaan tidak berjalan dengan berkesan di samping mempertingkatkan kebolehan, profesionalisme dan kualiti pegawai penguatkuasaan berada pada tahap kurang memuaskan. Oleh itu, kursus dan latihan berterusan amat perlu diadakan yang akan memberikan mereka pendedahan, maklumat dan kualiti kerja yang lebih produktif.
2. Peruntukan undang-undang yang telah digubal tidak dikuatkuasakan dengan sepenuhnya, sedangkan akta dan peruntukan yang sedia ada memadai untuk menghapuskan permasalahan ajaran sesat. Antara peruntukan undang-undang sivil dan lain-lain di mana berkaitan seperti perkara 149 Perlembagaan Persekutuan, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), perkara 11 Perlembagaan Persekutuan, Penal Code dan Akta Hasutan 1948 sepatutnya menjadi rujukan dalam kes ajaran sesat.
3. Pusat Pemulihan Akidah tidak wujud di setiap negeri di seluruh Malaysia. Sedangkan kewujudan pusat tersebut amat relevan dengan situasi yang meruncing ini di samping pusat pemulihan ini hendaklah disediakan dengan kurikulum yang sesuai dan lengkap dengan disiplin ilmu akidah. Pusat tersebut hendaklah mempunyai hubungan secara langsung dengan institusi pengajian tinggi yang terdapat dalam negara ini dari sudut penyediaan tenaga pengajar yang berkewibawaan, buah fikiran yang bernas dan tempat yang sesuai untuk dijalankan aktiviti pemulihan tersebut. Ini kerana perundangan Islam mengajar bahawa hukuman mati

mesti dijalankan terhadap orang yang murtad akibat ajaran sesat, tetapi dalam masa yang sama pemulihan akidah orang yang murtad perlu dilaksanakan juga, iaitu diminta untuk bertaubat.

4. Gerakan dakwah dan pemurnian akidah tidak dipraktikkan secara meluas melalui pelbagai institusi dan agensi pendidikan di dalam negara. Gerakan pemurnian dan pengukuhan akidah ini amat wajar dilaksanakan secara bersepadu melalui pendidikan di semua peringkat sekolah rendah, menengah dan tinggi di samping menyediakan kurikulum yang sesuai dengan perkembangan semasa berhubung persoalan akidah. Gerakan pemurnian akidah ini juga perlu diperluaskan melalui mimbar masjid dan surau di seluruh negara. Para ulama dan cendekiawan dalam bidang agama seharusnya memperbanyakkan penulisan, penyelidikan dan penerbitan bahan berkaitan akidah Islam dan ajaran sesat sebagai sumber maklumat yang bermanfaat kepada masyarakat Islam, terutamanya akhbar dan majalah arus perdana yang merupakan medium sebaran maklumat yang paling berkesan dan mudah diperolehi oleh orang ramai. Para ulama juga hendaklah membuat kajian yang berterusan mengenai perkara yang berkaitan pemurnian, penyelewengan akidah, ajaran sesat dan strategi dakwah.
5. Media massa sama ada media elektronik, media cetak dan teknologi maklumat tidak dimanfaatkan sebaik mungkin sebagai medium dakwah Islam yang berkesan dalam usaha pemantapan akidah Islam di samping tugas mendedahkan gejala ajaran sesat yang wujud dalam masyarakat setempat. Ini kerana saluran media massa merupakan saluran sebaran am yang mudah dicapai oleh orang ramai, maka amat wajar saluran tersebut dimanfaatkan oleh pihak berwajib sebagai wadah penyebaran nilai-nilai Islam. Pihak berkuasa agama dengan kerjasama pihak Kementerian Dalam Negeri hendaklah memperketatkan pengawasan, penapisan dan pengharaman terhadap sebarang usaha pengedaran bahan bacaan atau siaran yang berunsurkan tahayul, khurafat dan ajaran sesat yang boleh memudaratkan akidah masyarakat Islam. Menggunakan saluran

- peruntukan Enakmen Undang-undang Jenayah Islam yang sedia ada bagi menghukum pihak yang disabitkan bersalah menghina kesucian Islam
6. Kurangnya kerjasama antara masyarakat Islam dengan pihak berkuasa agama. Justeru, pihak berkuasa hendaklah menggembelngkan tenaga untuk mempertingkatkan kesedaran masyarakat Islam terhadap kepentingan memelihara kesucian Islam serta mendorong mereka untuk melibatkan diri dalam gerakan pemurnian dan pengukuhan akidah mengikut cara dan kemampuan masing-masing. Dalam hal ini, setiap anggota masyarakat Islam sewajarnya berusaha menyeru ahli kariahnya mengimarahkan dan memanfaatkan institusi masjid dan surau. Dari satu segi, pihak jawatankuasa masjid, jawatankuasa kampung dan ibu bapa hendaklah melatih golongan muda-mudi untuk mendekati institusi masjid dan surau sebagai pusat pendidikan Islam bagi memantapkan akidah, di samping melatih mereka menghadiri upacara keagamaan yang diadakan di kawasan mereka.
 7. Akhirnya, tugas untuk membanteras penyebaran ajaran sesat, membasmi kejahilan akidah dan juga pemantapan akidah adalah tugas dan tanggungjawab seluruh masyarakat Islam. Ia bukan diletakkan pada bahu pihak yang tertentu sahaja, malah ia melibatkan penyertaan semua lapisan masyarakat, orang perseorangan hinggalah kepada pihak yang berkuasa yang memikul amanah dalam menyusun strategi pengukuhan akidah di kalangan masyarakat Islam.

Kesimpulan

Ajaran sesat adalah suatu gejala atau permasalahan yang amat berat di sisi Islam. Ini kerana gejala tersebut melibatkan persoalan akidah yang akan menentukan kedudukan seseorang manusia sama ada dia tetap beriman ataupun telah terkeluar daripada Islam. Sesuatu yang pasti ialah ajaran sesat begitu mudah berlaku dan tersebar di kalangan masyarakat. Sudah tentu terdapat banyak faktor yang mempengaruhi penyebaran ajaran sesat di seluruh pelusuk bumi Allah ini.

Penyebaran ajaran sesat mengakibatkan suatu implikasi dan ancaman yang cukup besar kepada masyarakat dan negara, selain ia boleh memberi kesan kepada taraf keislaman seseorang yang terlibat dalam ajaran sesat. Menurut perspektif Islam, sesiapa yang terlibat dalam ajaran sesat, akidahnya pasti terjejas iaitu ia boleh menyebabkan seseorang itu terjerumus dalam syirik, kadang-kadang ia boleh menyebabkan seseorang itu murtad.

Fenomena ajaran sesat ini telah wujud dan tersebar dengan meluasnya di dalam masyarakat Islam di Malaysia. Ini menggambarkan bahawa isu ajaran sesat amat kompleks dan kronik sifatnya. Fenomena ini boleh berlaku kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira kedudukan sosial dan tahap pemikiran mereka. Kes ajaran sesat ini boleh berlaku di dalam masyarakat pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat kerana ia berleluasa dan bermaharajalela melalui pelbagai saluran yang sedia ada dalam kehidupan masyarakat seperti media massa, aktiviti keagamaan, aktiviti sosial dan sebagainya.

Oleh itu, persoalan ajaran sesat sewajibnya diambil perhatian secara serius oleh pelbagai pihak daripada orang perseorangan hinggalah pihak berwajib agama bagi mengatasi dan membanteras ajaran sesat yang sedang melanda masyarakat Islam di Malaysia amnya dan di negeri Terengganu khususnya.

Nota Hujung

- 1 Mahamad Arifin, Dr. (1999). "Islam dalam Perlembagaan Persekutuan" dalam Ahmad Ibrahim et. Al (1999), *Perkembangan Undang-undang Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. p
- 2 Federal Constitution. (2002). Kuala Lumpur: International Law Book Services. p
- 3 Ibid
- 4 Ibid
- 5 Ibid
- 6 Mahmood Zuhdi Abd. Majid. (1997). *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. p. 103.
- 7 Federal Constitution. (2002). Kuala Lumpur: International Law Book Services
- 8 Hokker, M.B. (1984). *Islamic Law in South-East Asia*. Kuala Lumpur:

- Oxford University Press. p. 144.
- ⁹ Ibrahim Abu Bakar. (1994). *Islamic Modernism in Malaya: The Life and Thought of Sayyid Syaykh al-Hadi 1867 - 1934*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press. p. 17-18.
- ¹⁰ Ahmad Hidayat Buang. (2003). *Kebebasan Memberi Pandangan dalam Isu-isu Agama Islam: Kajian terhadap Fatwa-fatwa Jabatan Mufti Negeri-negeri di Malaysia*. Paper presented at the Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan I, Kuala Lumpur, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- ¹¹ Warta Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman. (1997). Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986.
- ¹² Ibid #10. p.12-13
- ¹³ Kamus Dewan. (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- ¹⁴ Abdulfatah Haron Ibrahim. (1994). *Ajaran Sesat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- ¹⁵ Abdul Hamid @ Yusoff Yunus. (2006). *Penjelasan Terhadap 58 Ciri Ajaran Sesat di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- ¹⁶ Muhammad Uthman al-Muhammady. (1997). *Fahaman Sesat Tradisi dan Moden yang Mengancam Akidah* dalam Lokman Abd. Rahman, *Krisis Akidah: Isu dan Cabaran*. Melaka: Majlis Agama Islam Melaka.
- ¹⁷ Ibid #14. p.1.
- ¹⁸ 'Umar Farukh. (1983). *Tarikh al-Fikr al-'Arabi ila Ayyam Ibn Khaldun*. Beirut: Dar al-'Ilm al-Malayin
- ¹⁹ Ali Mahfuz. (1956). *Al - Ibdā' fi Madarr al-Ibtida'*. Kaherah: Dar al-'I'tisam. p. 420-421
- ²⁰ Ibid #15

Rujukan

- Abdul Hamid @ Yusoff bin Yunus (2006). *Penjelasan Terhadap 58 Ciri Ajaran Sesat di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdulfatah Haron Ibrahim, Prof. Dr. (1994), *Ajaran sesat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Hidayat Buang, Prof. Madya Dr. (2003), "Kebebasan Memberi Pandangan dalam Isu-isu Agama Islam: Kajian terhadap Fatwa-fatwa Jabatan Mufti Negeri-negeri di Malaysia" (Kertas Kerja Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan I di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 11 Januari 2003).
- Farukh, 'Umar (1983), *Tarikh al-Fikr al-'Arabi ila Ayyam Ibn Khaldun*. Beirut: Dar al-'Ilm al-Malayin.

- Federal Constitution (2002). Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Hokker, M. B. (1984), *Islamic Law in South-East Asia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ibrahim Abu Bakar (1994), *Islamic Modernism in Malaya: The Life and Thought of Sayyid Syaykh al-Hadi 1867 - 1934*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Mahamad bin Arifin, Dr. (1999), "Islam dalam Perlembagaan Persekutuan" dalam Ahmad Ibrahim et. al (1999), *Perkembangan Undang-undang Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahfuz, 'Ali (1956), *al-Ibda' fi Madarr al-Ibtida'*. Kaherah: Dar al-I'tisam.
- Muhammad Uthman al-Muhammadi, (1976), *Peradaban Dalam Islam*, Kota Bharu: pustaka Aman Press.
- Muhammad Uthman al-Muhammady (1997), "Fahaman Sesat Tradisi dan Moden yang mengancam akidah" dalam Lokman Abd. Rahman, *Krisis Akidah: Isu dan Cabaran*. Melaka: Majlis Agama Islam Melaka.
- Warta Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman No. 1110 , 25 September 1997.
- Warta Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman No. 1110, jil. 50, No. 20. 25 September 1997.
- Warta Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman, jil. 50, No. 25. 4 Disember 1997.